

07 MAY 2002

AL-QURAN MUSHAF MALAYSIA MAKIN DAPAT PASARAN

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Projek Al-Quran Mushaf Malaysia yang diusahakan Yayasan Restu sejak 1994 semakin mendapat sambutan setelah edisi awam kitab itu dipasarkan kepada orang ramai.

Sebanyak 50,000 Al-Quran Mushaf Malaysia yang dihasilkan dengan tulisan tangan dan menggabungkan motif tempatan dihasilkan pada 2000.

Yayasan itu juga berusaha menerbitkan 20,000 Al-Quran berkenaan dalam tempoh tiga bulan, kata pengerusinya Datuk Abdul Latiff Mirasa.

Sempena Persidangan Ketujuh Menteri-menteri Wakaf dan Hal Ehwal Islam di sini yang bermula semalam, Yayasan Restu turut mengadakan pameran di ruang legar Hotel Istana, tempat berlangsungnya persidangan tiga hari itu.

Katanya, Yayasan Restu juga memasarkan Al-Quran itu ke beberapa negara lain serta bercadang menerbitkannya di Afrika Selatan.

Kolej Restu yang dikendalikan yayasan itu mula beroperasi bulan lepas di sini dengan pengambilan 30 pelajar untuk mengikuti pengajian seni khat.

"Usaha kita ialah mahu mengembangkan dakwah Islam melalui seni dan sehingga kini seni khat Melayu telah diterima di pasaran antarabangsa," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menyampaikan ucaptamanya hari ini turut melawat dan memberi penerangan mengenai Al-Quran Mushaf Malaysia kepada delegasi negara-negara Islam yang menghadiri persidangan itu.

-- BERNAMA

RZS MFJ RHM